

**9 Ogos 2010 (Isnin)**

**Khazanah terus jual ekuiti GLC - Kepentingan dalam tujuh syarikat utama dijangka dilupus dalam 6 bulan**

**Oleh Ahmad Farizal Hajat ahmadfarizal@bharian.com.my**

KHAZANAH Nasional Bhd akan mengurangkan secara lebih agresif pegangannya dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang keseluruhan dianggarkan bernilai RM6 bilion, dalam tempoh enam bulan akan datang. Langkah itu susulan kejayaannya dalam persaingan merebut penguasaan kepentingan majoriti dalam firma penjagaan kesihatan Singapura, Parkway Holdings Ltd. Sumber industri berkata, Khazanah dijangka mengurangkan pegangan sahamnya dalam tujuh syarikat utama di Bursa Malaysia iaitu UEM Group Bhd, PLUS Expressway Bhd. (PLUS); CIMB Group Holdings Bhd; Tenaga Nasional Bhd; Time Engineering Bhd; Timedot-Com Bhd; dan DRB-Hicom Bhd. "Sebagai permulaan, Khazanah dijangkakan melupuskan sehingga tujuh peratus pegangannya dalam PLUS bernilai RM1.295 bilion; dua peratus dalam CIMB Group (RM1.113 bilion) dan dua peratus dalam Tenaga (RM748 juta). "Ia akan disusuli pula penjualan keseluruhan pegangan bukan strategik 47.1 peratus dalam TimedotCom (RM703 juta); 45 peratus dalam Time Engineering (RM157 juta); dan 5.1 peratus dalam DRB-Hicom (RM111 juta)," katanya.

Sementara itu, urus niaga korporat yang masih lagi belum selesai sepenuhnya oleh Khazanah adalah penjualan 10 peratus ekuiti dalam EON Capital Bhd kepada Hong Leong Bank Bhd (bernilai RM506 juta); 86.8 peratus pegangan UEM Group dalam Pharmaniaga Bhd kepada Boustead Holdings Bhd (bernilai RM534 juta); serta hasrat Khazanah melupuskan keseluruhan pegangan 32.2 peratus ekuitinya dalam Pos Malaysia Bhd (bernilai RM534 juta). Sumber industri itu berkata, Khazanah mampu memperoleh RM5.7 bilion daripada pelupusan berkenaan. "Dengan mengambil kira harga semasa saham syarikat berkenaan, dianggarkan nilai keseluruhan pelupusan pegangan itu berjumlah hampir RM6 bilion. "Bagi melaksanakan pelupusan itu, Khazanah sedang menunggu kelulusan daripada kerajaan. Selepas mendapat kelulusan, semua urus niaga akan dilakukan secara teratur dan telus untuk mengelak berlakunya gangguan terhadap pasaran saham tempatan," katanya.

Langkah pengurangan pegangan oleh Khazanah itu adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kecairan di pasaran saham tempatan. Sebelum ini, pengurus dana asing dikatakan enggan memasuki pasaran tempatan kerana sebahagian besar saham kaunter berpotensi dipegang syarikat pelaburan kerajaan (GLIC). "Saya yakin pelupusan oleh Khazanah itu akan menarik minat pelabur asing yang sebelum ini hanya mampu memiliki pegangan sekitar 20 peratus dalam sesebuah syarikat, untuk terbabit serta aktif dalam meningkatkan penguasaan masing-masing," katanya. Sementara itu, sumber industri itu berkata, enam lagi GLC iaitu Proton Holdings Bhd; Axiata Bhd, Telekom Malaysia Bhd, UEM Land Holdings BHd, Penerbangan Malaysia, dan Malaysia Air-ports Holdings Bhd bakal terbabit dalam aktiviti pengurangan pegangan oleh Khazanah itu dalam tempoh 12 bulan lagi.

**10 Ogos 2010 (Selasa)**

**Tujuh lebuh raya RM19b dibina dalam RMKe-10 - 52 projek pembangunan infrastruktur dirancang: Shaziman**



**SHAZIMAN sambil diperhatikan Tunku Naquiyuddin (kanan) merasmikan pembukaan Lebuh Raya Kajang-Seremban di Seremban, semalam.**

SEREMBAN: Tujuh lebuh raya bernilai RM19 bilion akan dibina di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), kata Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor. Beliau berkata, tujuh lebuh raya itu ialah sebahagian daripada 52 projek pembangunan infrastruktur negara yang bernilai RM62.7 bilion yang sudah dirancang dalam RMKe-10. Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Lebuh Raya Kajang-Seremban (LEKAS) di sini, semalam, beliau berkata, antara tujuh lebuh raya itu ialah Lebuh Raya Pantai Barat menghubungkan Banting, Selangor sehingga ke Perak yang bakal menjadi alternatif kepada Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS). Katanya, enam daripada tujuh lebuh raya itu masih lagi menunggu kelulusan Unit Perancangan Ekonomi yang kini membuat kajian mengenai kos pembinaan lebuh raya berkenaan. Turut hadir Pengarah LEKAS, Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar; Pengurus Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Datuk Syed Jamal Syed Jaafar; Ketua Pengarah LLM, Datuk Ismail Md Salleh dan Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Sri Dr Judin Abdul Karim. Pembukaan laluan itu membabitkan Persimpangan Paroi-Seremban, melengkapkan keseluruhan LEKAS yang menghubungkan Kajang ke Senawang sejauh 44.3 kilometer.

Mengenai Lebuh Raya LEKAS, beliau berkata, ia bakal menjadi alternatif kepada Lebuhraya Pantai Timur (LPT) adalah laluan paling dekat ke Bera, Pahang. "Kita mencadangkan kepada kerajaan supaya jalan utama di antara Serting, Jempol (di Negeri Sembilan) ke Bera (Pahang) dinaik taraf kerana kita tidak mahu orang ramai yang mulanya lalu lebuh raya baik, tetapi tiba-tiba tersangkut di jalan yang kualitinya kurang memuaskan jadi jalan dari Kuala Pilah ke Serting yang kemudian terus ke Bera, sebelah Pahang turut dinaik taraf," katanya. Terdahulu, Shaziman berkata, negara kini mempunyai 27 lebuh raya dengan jumlah panjang 1,630 kilometer. Katanya, dalam tempoh 29 tahun, iaitu daripada 1981 hingga tahun ini, RM95.6 bilion sudah dilaburkan pihak swasta dan kerajaan untuk semua projek itu. Sementara itu, beliau meminta semua syarikat pengendali lebuh raya memasang papan tanda elektronik (VMS) di pintu masuk laluan masing-masing bagi membolehkan pengguna mengetahui keadaan trafik sebelum memasuki lebuh raya. Katanya, langkah itu bagi mengelak pengguna terperangkap dalam kesesakan akibat kemalangan atau keadaan luar jangkaan. Beliau juga meminta supaya syarikat konsesi lebuh raya mempertimbangkan memberi diskon sempena musim perayaan ini.

## **20 Ogos 2010 (Jumaat)**

### **PLUS Expressways Bhd raih untung RM319.56j**

PLUS Expressways Bhd meraih keuntungan bersih sebanyak RM319.56 juta dalam tempoh tiga bulan berakhir 30 Jun 2010, meningkat 13.56 peratus berbanding RM281.39 yang dicatatnya dalam tempoh sama tahun lalu, didorong pertumbuhan kukuh jumlah lalu lintas di lebuh raya bertol yang dikendalikannya. Ini diraihnya daripada pendapatan RM859.74 juta, naik 11.32 peratus daripada RM772.25 juta. Berikutan pencapaian itu, keuntungan bersih pengendali lebuhraya bertol dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini ialah berjumlah RM618.69 juta, naik 10.5 peratus daripada RM560.01 juta dalam tempoh sama tahun lalu, manakala pendapatannya naik 10.6 peratus kepada RM1.67 bilion daripada RM1,51 bilion. Pengarah Urusan Kumpulannya, Noorizah Abd Hamid berkata, peningkatan dalam perjalanan domestik dan pembangunan pantas di sebahagian laluan tertentu terutama di Lembah Klang menyumbang terhadap pertumbuhan lalu lintas di lebuhraya yang dikendalikan PLUS.

Beliau berkata, pertumbuhan itu adalah sejajar dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi negara serta kesan asas lalu lintas rendah pada separuh pertama 2009. Walaupun pertumbuhan jumlah lalu lintas dalam separuh kedua ini dijangka sederhana berdasarkan asas lalu lintas pada tempoh sama tahun lalu, kami yakin mengakhiri tahun ini dengan prestasi lebih baik berbanding tahun lalu, katanya. Noorizah berkata, usaha berterusan PLUS melakukan penambahbaikan lebuh raya, pengurusan kapasiti lebuh raya dan tahap perkhidmatannya turut menyumbang kepada peningkatan jumlah lalu lintas yang menggunakan lebuh raya kendaliannya.

## **30 Ogos 2010 ( Isnin )**

### **PKNS yakin mampu jual 85 peratus projek hartanah**

PERBADANAN Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yakin 85 peratus daripada hartanah yang dibangunkan bernilai RM750 juta dapat dijual menjelang akhir tahun ini berikutan peringkat pelaksanaan akhir projek berkenaan. Timbalan Pengurus Besar Pentadbiran dan Pembangunan PKNS, Md Nasir Md Arshad, berkata sasaran itu dibuat berdasarkan prestasi memberangsangkan sektor hartanah di Selangor pada 2009 dengan PKNS mencatatkan keuntungan sebanyak RM390 juta pada tahun terbabit. Katanya, PKNS menetapkan sasaran itu kerana pada suku kedua tahun ini saja iaitu dari Januari hingga Jun, PKNS sudah memperoleh RM360 juta daripada jualan hartanahnya. Sasaran berkenaan dibuat selepas mendapati beberapa projek PKNS sudah hampir siap sepenuhnya, selain usaha PKNS dalam mendapatkan pelanggan menerusi beberapa ekspos seperti Ekspos Hartanah PKNS di pusat beli-belah SACC," katanya di Shah Alam baru-baru ini.


Beliau berkata, Ekspos Hartanah dan Gaya Hidup Selangor (SELPEX 2010) di SACC Convention Centre, yang akan diadakan pada 29 hingga 31 Oktober ini, akan membuka peluang kepada PKNS untuk meningkatkan jualan dengan sasaran keuntungan jualan sebanyak RM7 juta. "Kami berharap sasaran ini dapat dicapai selepas PKNS juga turut melancarkan 38 projek hartanah baru untuk tahun ini saja berikutan sambutan amat menggalakkan daripada pelanggan," katanya. Sementara itu, Pengurusi Siera Management Sdn Bhd, Datuk Mohammad Adan, berkata SELPEX 2010 akan membabitkan lebih 100 peserta pameran yang terdiri daripada syarikat yang terbabit dalam industri hartanah tempatan.

SELPEX kali ini akan menjadi acara tahunan Pusat Konvensyen SACC bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat mendapat maklumat mengenai bidang harta tanah selain membantu mereka membuat keputusan pembelian yang tepat. "Ekspo ini yang memfokuskan pembangunan industri harta tanah dan kediaman, khidmat bayaran perumahan, landskap, percutian, pelancongan dan seni bina dalam akan dirasmikan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin," katanya.

### 31 Ogos 2010 (Selasa)

**Terminal tambang murah baru siap 2012 - KLIA2 bakal rangsang ekonomi, industri pelancongan negara**

Oleh Ahmad Fiesal Othman [fsal@bharian.com.my](mailto:fsal@bharian.com.my)



**NAJIB menurunkan tandatangan sebagai simbol perasmian pecah tanah tapak KLIA2 di Sepang, semalam.**

SEPANG: Terminal Penerbangan Kos Rendah (LCCT) baru berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dijangka siap pada tahun 2012 dinamakan sebagai KLIA2, iaitu lapangan terbang penerbangan tambang murah terbesar di dunia. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkannya pada majlis pecah tanah projek itu semalam, berkata pembinaan KLIA2 yang dijangka mengambil masa 20 bulan, adalah permulaan satu lagi projek prasarana penting yang bakal merangsang pertumbuhan ekonomi serta pembangunan industri penerbangan serta pelancongan negara. "Terminal baru ini menandakan pertumbuhan negara dalam bidang penerbangan bukan saja di rantau ini, malah di dunia," katanya.

KLIA2 terletak kira-kira dua kilometer dari Terminal Utama KLIA dan berhampiran Kompleks Bunga Raya adalah terminal khusus dibina untuk penerbangan tambang murah dengan keluasan lantai 237,132 meter persegi. Ia dibina dengan matlamat mampu mengendali sehingga 30 juta penumpang setahun, sekali gus menampung peningkatan jumlah penumpang menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan tambang murah. LCCT sedia ada akan dijadikan lapangan terbang kargo. Najib berkata, sejak pengenalan syarikat penerbangan tambang murah, negara menyaksikan pertumbuhan memberangsangkan bagi perjalanan menggunakan pengangkutan udara tetapi LCCT sedia ada dengan berkeupayaan mengendalikan sehingga 15 juta penumpang setahun sudah hampir mencapai kapasiti penuh. Beliau berkata, sejak 10 tahun lalu, perjalanan menggunakan penerbangan tambang murah di KLIA berkembang pada kadar purata 37 peratus setahun. "Pertumbuhan dua angka dijangka berterusan untuk tempoh lima hingga 10 tahun akan datang walaupun ada saingan sengit daripada lapangan terbang besar lain di rantau ini," katanya.

Najib berkata, pembinaan KLIA2 berbeza dengan pelan induk asal KLIA kerana penerbangan tambang murah dan pertumbuhannya sangat menggalakkan di rantau ini tidak dijangka sebelum ini. Beliau berkata, pembinaannya perlu kerana masanya sudah sampai untuk melakukan perubahan terhadap reka bentuk terminal bagi menampung pertumbuhan pengangkutan tambang murah serta untuk terus kekal di depan dalam saingan. "Kita menjangkakan KLIA secara keseluruhan akan mengendali lebih 60 juta penumpang menjelang 2020 dan hampir 45 peratus adalah penumpang penerbangan tambang murah," katanya.

### 31 Ogos 2010 (Selasa)

**Projek air dari Pahang dipercepat - Selangor beri komitmen selesai segera isu elak bekalan terjejas menjelang 2014**

Oleh Magendran Rajagopal [magendran@bharian.com.my](mailto:magendran@bharian.com.my)



MUHYIDDIN bersalam dengan Khalid selepas mempergerusikan MSAN di Putrajaya semalam. Turut serta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggas Embas (kiri); Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan (kanan) dan Menteri Pengurusan Sumber dan Kemudahan Awam II Sarawak, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan.

PUTRAJAYA: Kerajaan Selangor memberi komitmen akan mempercepatkan projek bekalan air dari Pahang ke negeri itu pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) Kelima yang dipengerusikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini, semalam. Timbalan Perdana Menteri berkata, jaminan itu dibuat oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sendiri, yang pada dasarnya mengakui akan wujud krisis air di Lembah Klang pada masa depan, walaupun ada perbezaan dari segi jangkaan bila ia berlaku. "Pada penghujung mesyuarat tadi kita sudah capai persefahaman supaya tidak ada lagi perbezaan unjuran bila krisis air akan berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Kalau dulu, Selangor kata ia lambat lagi iaitu selepas 2019 tetapi kita menjangkakan bekalan akan terjejas menjelang 2014. "Kita setuju perkara ini perlu diselesaikan sebaik-baiknya supaya kita tidak mengalami krisis."

Jadi apabila kita bincang, kita setuju patutnya tidak ada perbezaan dari segi penilaian mengenai keperluan air kerana walaupun dibuat pakar perunding berbeza, asasnya adalah sama. "Tadi bila bincang, beliau (Abdul Khalid) nampaknya bersetuju dan kalau boleh, mahu menyelesaikannya dengan cepat. Jadi, kita anggap ini perkembangan menggalakkan dan harap Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan mengambil langkah susulan menyelesaikan isu ini," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu. Hadir sama, Menteri Besar, Ketua Menteri atau wakil mereka selain semua menteri yang terbabit dalam aspek pengurusan air dan sungai negara serta pegawai kanan kementerian berkenaan. Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak wajar ada perbezaan ketara kerana isu terbabit bukan soal politik sebaliknya isu air bagi bekalan kepada rakyat dan seharusnya tidak ada perbezaan antara penilaian peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Sebelum ini, pengguna air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kemungkinan berhadapan catuan air menjelang 2014 sekiranya kerajaan Selangor enggan bekerjasama untuk projek Loji Rawatan Air Langat 2 bagi menyalurkan bekalan air dari Pahang ke Selangor. Statistik menunjukkan keperluan semasa air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sekarang ialah 4,326 juta liter sehari (MLD) tetapi dijangka meningkat kepada 4,390 MLD menjelang akhir tahun ini dan bertambah kepada 4,625 MLD tahun depan dan seterusnya 4,907 MLD pada 2014.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhyiddin berkata, mesyuarat MSAN semalam turut membincangkan tiga kertas pertimbangan dan empat kertas makluman mengenai sumber air negara, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber itu. Tiga pertimbangan terbabit termasuk pemantapan program 'satu negeri satu sungai' (1N1S) bagi memulihara sungai tercemar sehingga dapat dipastikan sungai sentiasa bersih, hidup dan bertenaga selain mencapai serta mengekalkan kualiti air tahap II menjelang 2015. Pertimbangan kedua ialah penyelarasan isu sungai merentasi sempadan antara negeri di mana semua negeri bersetuju menuju Jawatankuasa Penyelarasan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar selaku urusetia, bagi menguruskan isu sungai. Terakhir ialah pertimbangan galakkan pemasangan sistem penuaian air hujan di bangunan kerajaan dan swasta secara sukarela.